

UNDANG-UNDANG KECIL
VADALISME
MAJLIS DAERAH BESUT
1991

TR. P.U. 15
BIL.
TARIKH

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME
(MAJLIS DAERAH BESUT 1991)

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Besut membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama,
pemakaian
dan mula
berkuatkuasa.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Besut) 1991** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Besut dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang” termasuk burung, serangga dan hidupan air;

“harta Majlis” ertinya apa-apa harta alih atau tidak alih yang dipunyai, dibina, diuruskan, disewa atau diselenggarakan oleh Majlis yang terletak atau yang ada di dalam, di bawah atau di atas, mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan Majlis dan apa-apa harta mana-mana pihak atau orang yang berkontrak dengan Majlis yang digunakan bagi maksud memenuhi atau melaksanakan kontrak itu dan termasuklah apa-apa kerja yang dijalankan oleh Majlis dan mana-mana binatang, pokok, tumbuh-tumbuhan, rumput, sungai, tasik dan anak sungai yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;

“kerja” ertinya mana-mana kerja yang dijalankan oleh Majlis di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan Majlis;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Besut;

“tempat awam” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“tempat persendirian” ertinya mana-mana tempat selain daripada tempat awam;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Besut dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

3. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan jika kebenaran atau kuasa baginya diberikan secara bertulis oleh Majlis:

Kesalahan-
kesalahan
dan
penalti.

(a) menulis, melukis, mengecat, menyembur, mena-da, mencakar, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan, slogan, karikatur, simbol atau apa-apa jua pur di atas harta Majlis;

- (b) memasang, melekatkan, menampalkan, menunjukkan atau mempamerkan apa-apa poster, pelekat, iklan, surat tempelan, peringatan, kertas atau apa-apa dokumen di atas harta Majlis;
- (c) menggantung, menyangkut, menaikkan, melekatkan atau mempamerkan apa-apa bendera, panji-panji hiasan, panji-panji bendera, sepanduk atau yang menyerupainya dengan sesuatu slogan, karikatur, lukisan, simbol atau apa-apa perkataan lain di atas harta Majlis;
- (d) memakukan, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda ke atas harta Majlis;
- (e) mencuri, mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa harta Majlis;
- (f) membuat apa-apa ubahan kepada apa-apa harta Majlis;
- (g) mengalih, memindah, mengusik, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa jua yang dipertunjukkan, digantung, didirikan, dilekatkan, dinaikkan atau disangkutkan oleh Majlis;
- (h) meludah, kencing atau membuang air besar di dalam atau di atas mana-mana harta Majlis kecuali di tempat yang telah disediakan bagi maksud itu;
- (i) mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancutan air, kolam renang, sungai, tasik atau anak sungai yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (j) memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan, bunga, daun atau dahan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan atau rumput yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (k) mengorek atau mengalih tanah dari mana-mana harta Majlis;
- (l) memerangkap, menangkap, mendera, membunuh, memberi makan atau mengganggu mana-mana binatang kepunyaan Majlis atau yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (m) menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan sama ada yang digerakkan secara mekanikal atau sebaliknya atau meluncur dengan skate di atas mana-mana harta Majlis yang bukan dibenarkan bagi maksud itu; atau
- (n) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakan kepada harta Majlis.

(2) Mana-mana orang yang melakukan mana-mana perbuatan vandalisme yang tersebut di atas atau cuba melakukan mana-mana perbuatan itu atau menyebabkan mana-mana perbuatan itu dilakukan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabit boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan jika kesalahan tersebut berterusan boleh selanjutnya didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kuasa
menyita
dsb.

4. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh:

(a) menyita atau mengalih apa-apa benda yang didapati tergantung, dinaikkan, ditampal, diikat, disimpul, dirantai, dipakukan, dilekatkan, disangkut, dipamerkan atau dipertunjukkan di atas mana-mana harta Majlis berlanggaran dengan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini; atau

(b) memadam apa-apa tulisan, gambar, lukisan, tanda, cakaran, calar atau ukiran yang dibuat oleh mana-mana orang berlanggaran dengan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua di bawah perenggan (1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana orang daripada dikenakan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Besut dalam mesyuarat pada 27hb. Februari, 1991.

[MDB. 027 SJ. 18]

ABDULLAH BIN MUHAMMAD,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Besut

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 12 April 1992.

[SUK. TR. 1200/372/SK. D; PUN. TR. (S) 85/3/15]

OSMAN BIN MUDA,
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu